

Qalam

KDN 1275

176 Dhu al-Qa'idah 1384, March 1695, 60 Sen

Bantuan Negara-negara Islam dalam Penyelenggaraan Haji

Di dalam tanah Hijjaz terletak dua Tanah Haram iaitu Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawarah. Ketua-ketua Tanah Haram ini terletak di dalam pertadbiran dan kawalan kerajaan 'Arabiah Saudiah semenjak daripada pemerintahan al-Malik Abdulaziz sehingga kepada pemerintah Jalalah al-Malik Faisal sekarang ini.

Kerajaan 'Arabiyyah Saudiyyah inilah yang memegang amanah untuk menyelenggarakan kedua-dua Tanah Haram ini dengan sebaik-baiknya dan usaha-usaha kepada kebaikan dan perbaikkan di dalam penyelenggaraan amanah itu dapat kita lihat adanya dengan berangsur-angsur¹ di dalam keadaan yang sangat-sangat memuaskan hati. Dengan perbelanjaan yang sangat besar semenjak daripada Al-Malik Abdulaziz, al-Masjid al-Nabawi dibina dan dibesarkan dengan sebegitu cantik demikian juga dalam masa Jalalah Al-Malik Saud Masjid al-Haram diluas dan dibesarkan dengan sebegitu rupa sehingga boleh menghimpunkan manusia bersembahyang di dalamnya beratus-ratus ribu. Pekerjaan membina ini masih berjalan hingga sekarang ini.

Jalan-jalan raya dibuat dengan banyaknya untuk memudahkan orang-orang menunaikan haji dan bangunan-bangunan sedang diusahakan di dalam menyempumakan perkembangan-perkembangan ini. Segala usaha-usaha untuk kebaikan sama ada di dalam kesihatan, keselamatan

dan kesejahteraan orang-orang yang menunaikan haji adalah dilakukan dengan sebegitu rupa sehingga keamanan dan kesejahteraan orang-orang haji terjamin dengan wajarnya - tidaklah seperti pada masa lalu di dalam mana rompak samun berlaku.

Bukanlah suatu pekerjaan yang mudah bagi kerajaan 'Arabiyyah Saudiyyah menjadi tuan rumah bagi menyelenggarakan orang-orang haji yang datang tiap-tiap tahun bermillion banyaknya yang datang dengan berbagai-bagai ragam dan keadaan, yang mampu dan yang miskin, penderma dan peminta sedekah. Demikian pula yang datang itu ada yang pembersih dan ada pula yang pengotor dan sudah tentu sangat sukar untuk mengawal dan menjaga keadaan-keadaan terutamanya dalam perkara kebersihan dan kesihatan orang-orang haji itu sendiri.

Melihat kepada keadaan ini, kita berpendapat mestilah ada kerjasama di antara kerajaan-kerajaan Islam dengan kerajaan 'Arabiyyah Saudiyyah di dalam penyelenggaraan perkara ini. Sepatutnya telah tiba masanya disusun tempat-tempat bagi golongan-golongan yang tiba umpamanya daerah-daerah orang haji yang datang dari India, Pakistan, Mesir, Indonesia, Malaysia, Iraq dan lain-lainnya.

Tiap-tiap negeri yang banyak orang haji itu hendaklah mengatur suatu kumpulan yang menasihati, mengawal dan menyusun orang-orang mereka supaya bersama-sama menjaga kebersihan dan kesihatan di dalam Tanah Suci itu dan mengawal pula tentang kemampuan orang-orang yang tiba – jangan ketibaan mereka ke sana kerana mengambil peluang untuk meminta sedekah. Jika ada pun orang-orang yang tidak berkemampuan hendak menunaikan haji kita yakin kerajaan 'Arabiyyah Saudiyyah akan dapat menghimpunkan wang menentukan suatu "kuota" berapa banyak daripada mereka itu diluluskan menunaikan haji bagi tiap-tiap tahun dengan wang bantuan kerajaan dengan tidak ketibaan mereka

¹ Perkataan sebenar berangsur-angsur